

MEMAHAMI HUKUMAN DADAH

Dokumen ini menggariskan hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan berikut di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah:

(a) Pemilikan dadah, (b) Penggunaan dadah dan, (c) Pengedaran dan pengimportan/pengeksportan dadah, dan beberapa faktor utama yang dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan hukuman yang sesuai.



1. PENGENALAN

AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH 1973

Akta Penyalahgunaan Dadah 1973 (MDA) merupakan perundangan utama yang mengawal selia kesalahan-kesalahan dadah. Ia mencerminkan dasar toleransi-sifar Singapura terhadap penyalahgunaan dadah dengan menjadikan tindakan-tindakan berikut yang melibatkan dadah dan bahan haram sebagai suatu kesalahan jenayah:



PEMILIKAN



PENGUNAAN



PENGEDARAN, PENGIMPORTAN
& PENGEKSPORTAN

JENIS-JENIS DADAH DAN BAHAN HARAM

Dadah dan bahan-bahan* yang dikawal selia oleh MDA tergolong dalam tiga kategori utama:

DADAH “TERKAWAL”

Ini adalah semua dadah yang tersenarai dalam Jadual Pertama MDA. Dadah-dadah ini diklasifikasikan kepada Kelas “A”, “B” dan “C”, dan merangkumi dadah “khusus” serta dadah-dadah lain.

CONTOH:

Kodeine (“terkawal”, tetapi bukan “khusus”)

DADAH “KHUSUS”

Ini adalah semua dadah yang tersenarai dalam Jadual Ke-empat MDA. Ia merupakan sebahagian daripada dadah “Terkawal”, dan boleh menarik hukuman yang dipertingkatkan.

CONTOH:

Kanabis (juga dikenali sebagai “weed”, “marijuana” atau “pot”), Kokain (juga dikenali sebagai “crack” atau “coke”), MDMA, MDEA dan MDA (juga dikenali sebagai “Ecstasy”), Diamorfin (juga dikenali sebagai “heroin”, “white”, “smack” atau “putih”), Metamfetamina (juga dikenali sebagai “ice”), Ketamin, Morfin, Nimatazepam

BAHAN PSIKOAKTIF

Ini merupakan bahan-bahan yang boleh menghasilkan “kesan psikoaktif” ke atas seseorang yang mengambilnya. Sesuatu bahan mempunyai “bahan psikoaktif” jika rangsangan atau kemurungan boleh mengubah cara pemikiran, perasaan, atau kelakuan seseorang dengan menjejaskan otak ataupun sistem saraf.

PENGECUALIAN:

Bahan yang disenaraikan dalam Jadual Kelima (contoh, alkohol dan kafeina) terkecuali dari kategori ini walaupun ia boleh menghasilkan “kesan psikoaktif”

**Senarai dadah di atas tidak menyeluruh. Sila rujuk MDA untuk senarai yang penuh.*

PENAFIAN

Dokumen ini TIDAK boleh dianggap sebagai nasihat guaman. Sila dapatkan nasihat guaman atau profesional bebas sekiranya anda mempunyai soalan mengenai undang-undang jenayah dan proses yang meliputi kesalahan dadah dan bahan-bahan haram. Maklumat yang terdapat dalam dokumen ini adalah benar setakat 18 Mei 2026.

2. PEMILIKAN

PENGHUKUMAN DAN PENJATUHAN HUKUMAN – KESALAHAN PEMILIKAN DADAH

Tahap keterukan hukuman bagi kesalahan **memiliki** dadah dan bahan haram ditentukan terutamanya oleh:

1

KLASIFIKASI JENIS DADAH DI BAWAH MDA

Mengikut urutan keterukan yang menurun:

- Dadah “khusus” (terutama bagi pesalah berulang)
- Kelas A
- Kelas B
- Kelas C

Dadah “khusus” boleh menarik hukuman yang lebih berat berbanding dengan dadah “terkawal” terutamanya bagi pesalah berulang.

2

REKOD JENAYAH BAGI KESALAHAN YANG SERUPA

- Hukuman dipertingkatkan
- Hukuman minimum mandatori (pemenjaraan, sebatan rotan dan/atau denda)

3

KUANTITI

- Kuantiti yang lebih tinggi (mengikut berat) biasanya menarik hukuman lebih berat
- Paras berat tertentu akan mengakibatkan hukuman minimum mandatori (pemenjaraan, sebatan rotan dan/atau denda)



NOTA PENTING

Berikut adalah beberapa faktor umum yang mungkin mempengaruhi hukuman, dan ia tidak disusun mengikut urutan keterukan. Mahkamah akan mempertimbangkan semua keadaan setiap kes dalam memutuskan hukuman yang sesuai. Untuk maklumat lanjut mengenai julat hukuman, sila rujuk jadual di halaman seterusnya.

2. PEMILIKAN

HUKUMAN YANG DITETAPKAN – KESALAHAN MEMILIKI DADAH

Jadual ini disusun berdasarkan: (1) jenis dadah; (2) kuantiti yang tertera; dan (3) rekod jenayah pesalah.

JENIS DADAH	JUMLAH (g) DIMILIKI			
Kanabis (juga dikenali sebagai marijuana, weed, pot, grass, joints, ganja)	< 330	330 – 500	> 500	
Campuran Kanabis (juga dikenali sebagai marijuana, weed, pot, grass, joints, ganja)	< 660	660 – 1,000	> 1,000	
Resin Kanabis (juga dikenali sebagai hashish)	< 130	130 – 200	> 200	
Kokain (juga dikenali sebagai crack, coke, snow)	< 20	20 – 30	> 30	
Diamorfin (juga dikenali sebagai heroin, peh hoon, white, smack, junk, powder, putih, medicine, ubat)	< 10	10 – 15	> 15	
Metamfetamina (juga dikenali sebagai ice, glass, crystal, speed, ice cream, cream, hirropon, yaba, shabu, syabu)	< 167	167 – 250	> 250	
Dadah yang mengandungi morfin (kecuali candu)	< 20	20 – 30	> 30	
Candu	< 800	800 – 1,200 DAN mengandungi ≥ 20g morfin	> 1,200 DAN mengandungi > 30g morfin	
Dadah terkawal/bahan psikoaktif lain	Sebarang jumlah		-	
HUKUMAN	Kesalahan kali pertama	Kesalahan Berulang	Kesalahan kali pertama dan berulang kali	
	• Penjara sehingga 10 tahun dan/atau • Denda sehingga S\$20,000	• Minimum: Penjara 2 tahun • Maksimum: Penjara 10 tahun • Kemungkinan denda: Sehingga S\$20,000	• Minimum: Penjara 10 tahun dan 5 sebatan rotan* • Maksimum: Penjara 20 tahun dan 10 sebatan rotan*	• Minimum: Penjara 20 tahun dan 10 sebatan rotan* • Maksimum: Penjara 30 tahun dan 15 sebatan rotan*

NOTA PENTING

* Rujuk bahagian di bawah bertajuk “Pertimbangan untuk Sebatan Rotan”.

Mahkamah menetapkan hukuman yang sesuai berdasarkan fakta setiap kes. Mahkamah juga mempertimbangkan hukuman yang telah dikenakan untuk kes-kes lain yang serupa. Beberapa faktor umum yang boleh mempengaruhi hukuman yang akan dikenakan diterangkan dalam bahagian di bawah yang bertajuk “Faktor-faktor Memberatkan/Meringankan”.

3. PENGGUNAAN

PENGHUKUMAN & PENJATUHAN HUKUMAN – KESALAHAN PENGGUNAAN DADAH

Tahap keterukan hukuman bagi kesalahan **mengguna** dadah dan bahan haram ditentukan terutamanya oleh:

1

KLASIFIKASI JENIS DADAH DI BAWAH MDA

Mengikut urutan keterukan yang menurun:

- Dadah “khusus” (terutama bagi pesalah berulang)
- Kelas A
- Kelas B
- Kelas C

Dadah “khusus” boleh menarik hukuman yang lebih berat berbanding dengan dadah “terkawal”, terutamanya bagi pesalah berulang.

2

REKOD JENAYAH BAGI KESALAHAN YANG SERUPA

- Pengguna dadah kali pertama
- Pengguna kasual/santai
- Penagih
- Sabitan terdahulu (hukuman dipertingkatkan)

Sabitan terdahulu boleh mencetuskan hukuman minimum mandatori (pemenjaraan, sebatan rotan dan/atau denda).

3

KEADAAN DI MANA KESALAHAN DILAKUKAN

Sebagai contoh:

- Sama ada penggunaan tersebut telah dirancang
- Sama ada pembayaran telah dibuat untuk dadah tersebut

4

UMUR PESALAH



NOTA PENTING

Berikut adalah beberapa faktor umum yang mungkin mempengaruhi hukuman, dan ia tidak disusun mengikut urutan keterukan. Mahkamah akan mempertimbangkan semua keadaan setiap kes dalam memutuskan hukuman yang sesuai. Untuk maklumat lanjut mengenai julat hukuman, sila rujuk jadual di halaman seterusnya.

3. PENGGUNAAN

HUKUMAN YANG DITETAPKAN – KESALAHAN PENGGUNAAN

Jadual ini disusun berdasarkan: (1) jenis dadah/bahan yang digunakan dan (2) bilangan sabitan terdahulu berkaitan dadah. Seperti yang dapat dilihat, hukuman yang ditetapkan secara amnya meningkat dengan setiap sabitan berikutnya.

JENIS DADAH		DADAH TERKAWAL	DADAH KHUSUS	BAHAN PSIKOAKTIF
HUKUMAN	Pesalah kali pertama	• Minimum: Penjara 1 tahun • Maksimum: Penjara 10 tahun • Denda yang mungkin dikenakan sehingga S\$20,000		• Denda: Maksimum \$20,000 • dan/atau • Maksimum: Penjara 10 tahun
	Pesalah kali kedua	• Minimum: Penjara 3 tahun		• Minimum: Penjara 3 tahun • Maksimum: Penjara 10 tahun
	Pesalah kali ketiga	• Minimum: Penjara 3 tahun	Penjara Jangka Panjang 1 (LT1) • Minimum: Penjara 5 tahun dan 3 sebatan rotan* • Maksimum: Penjara 7 tahun dan 6 sebatan rotan*	
	Pesalah kali keempat (dengan hukuman LT1 terdahulu)		Penjara Jangka Panjang 2 (LT2) • Minimum: Penjara 7 tahun dan 6 sebatan rotan* • Maksimum: Penjara 13 tahun dan 12 sebatan rotan*	

* Rujuk bahagian di bawah bertajuk "Pertimbangan untuk Sebatan Rotan".

NOTA PENTING

Mahkamah memutuskan hukuman yang sesuai berdasarkan fakta setiap kes. Mahkamah juga mempertimbangkan hukuman yang telah dikenakan dalam kes-kes lain yang serupa. Beberapa faktor umum yang mungkin mempengaruhi hukuman yang akan dikenakan diterangkan dalam bahagian di bawah bertajuk "Faktor-Faktor Memberatkan/Meringankan".

Untuk menentukan perbezaan antara pesalah kali pertama dan pesalah berulang, sila rujuk jadual di halaman seterusnya.

3. PENGGUNAAN

DEFINISI

Definisi pesalah kali pertama dan pesalah berulang adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Pesalah kali pertama	• Tiada sabitan terdahulu bagi penggunaan dadah terkawal/bahan psikoaktif di bawah MDA atau Akta Angkatan Bersenjata Singapura 1972 (SAFA)*.
Pesalah kali kedua	• Sabitan terdahulu bagi penggunaan dadah terkawal/bahan psikoaktif di bawah MDA atau SAFA; • Kemasukan terdahulu ke pusat pemulihan dadah di bawah MDA; atau • Sabitan terdahulu bagi kesalahan kegagalan memberikan sampel air kencing/rambut kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
Pesalah kali ketiga	• 2 kemasukan terdahulu ke pusat pemulihan dadah di bawah MDA; • 2 sabitan terdahulu bagi penggunaan dadah khusus; • 2 sabitan terdahulu bagi kesalahan kegagalan memberikan sampel air kencing/rambut kepada pihak berkuasa yang berkenaan; • 1 kemasukan terdahulu dan 1 sabitan terdahulu bagi penggunaan dadah khusus; • 1 kemasukan terdahulu dan 1 sabitan terdahulu bagi kesalahan kegagalan memberikan sampel air kencing/rambut kepada pihak berkuasa yang berkenaan; atau • 1 sabitan terdahulu bagi penggunaan dadah khusus dan 1 sabitan terdahulu bagi kesalahan kegagalan memberikan sampel air kencing/rambut kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
Pesalah dengan hukuman LT1 terdahulu	• Sabitan LT1 terdahulu bagi penggunaan dadah khusus atau kesalahan kegagalan memberikan sampel air kencing/rambut kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

**SAFA hanya berkuat kuasa kepada orang yang tertakluk kepada undang-undang tentera seperti NSF, anggota Perkhidmatan Tetap dan mana-mana anggota tentera yang lain.*

4. PENGEDARAN, PENGIMPORAN & PENGEKSORTAN

PENGHUKUMAN DAN PENJATUHAN HUKUMAN – KESALAHAN PENGEDARAN, PENGIMPORAN & PENGEKSORTAN

Mengedar, mengimport, atau mengeksport dadah dan bahan yang dikawal selia oleh MDA merupakan suatu kesalahan. "Pengedaran" termasuk menjual, memberi, mengurus, mengangkut, menghantar, menyerahkan dan membahagikan dadah (atau menawarkan untuk berbuat demikian).

Tahap keterukan hukuman bagi kesalahan **pengedaran/pengimportan/pengeksportan** dadah dan bahan haram ditentukan terutamanya oleh:

1

KLASIFIKASI JENIS DADAH DI BAWAH MDA

Mengikut urutan keterukan yang menurun:

- Dadah "khusus" (terutamanya bagi pesalah berulang)
- Kelas A
- Kelas B
- Kelas C

Dadah "khusus" boleh menarik hukuman yang lebih berat berbanding dadah "terkawal" terutamanya bagi pesalah berulang.

2

PENERIMA DADAH YANG DIMAKSUDKAN

Sama ada dadah tersebut bertujuan untuk diberikan kepada:

- Orang muda (bawah 21 tahun) atau
- Orang mudah terdedah pada bahaya (menghidap gangguan mental yang serius)

3

REKOD JENAYAH BAGI KESALAHAN YANG SERUPA

4

KUANTITI TERLIBAT



NOTA PENTING

Berikut adalah beberapa faktor umum yang mungkin mempengaruhi hukuman, dan ia tidak disusun mengikut urutan keterukan. Mahkamah akan mempertimbangkan semua keadaan setiap kes dalam memutuskan hukuman yang sesuai. Untuk maklumat lanjut mengenai julat hukuman, sila rujuk jadual di halaman seterusnya.

4. PENGEDARAN, PENGIMPORAN & PENGEKSPORTAN

HUKUMAN YANG DITETAPKAN – KESALAHAN PENGEDARAN, PENGIMPORAN & PENGEKSPORTAN

Untuk Dadah “Khusus” dan Dadah “Terkawal”

JENIS DADAH		JUMLAH (g) YANG DIEDARKAN ATAU DIIMPORT/DIEKSPORT		
Kanabis (juga dikenali sebagai marijuana, weed, pot, grass, joints, ganja)		< 330	330 – 500	> 500
Campuran Kanabis (juga dikenali sebagai marijuana, weed, pot, grass, joints, ganja)		< 660	660 – 1,000	> 1,000
Resin Kanabis (juga dikenali sebagai hashish)		< 130	130 – 200	> 200
Kokain (juga dikenali sebagai crack, coke, snow)		< 20	20 – 30	> 30
Diamorfin (juga dikenali sebagai heroin, peh hoon, white, smack, junk, powder, putih, medicine, ubat)		< 10	10 – 15	> 15
Metamfetamina (juga dikenali sebagai ice, glass, crystal, speed, ice cream, cream, hirropon, yaba, shabu, syabu)		< 167	167 – 250	> 250
Dadah yang mengandungi morfin (kecuali candu)		< 20	20 – 30	> 30
Candu		< 800	800 – 1,200 DAN mengandungi ≥ 20g morfin	> 1,200 DAN mengandungi > 30g morfin
HUKUMAN	Kesalahan Kali Pertama (Pengedaran)	Minimum: • Penjara 5 tahun • 5 sebatan rotan* Maksimum: • Penjara 20 tahun • 15 sebatan rotan*	Minimum: • Penjara 20 tahun • 15 sebatan rotan* Maksimum: • Penjara 30 tahun ATAU Penjara seumur hidup • 15 sebatan rotan*	Hukuman Mati (tertakluk kepada s 33B MDA)
	Kesalahan Kali Pertama (Pengimportan/ Pengeksportan)	Minimum: • Penjara 5 tahun • 5 sebatan rotan* Maksimum: • Penjara 30 tahun ATAU Penjara seumur hidup • 15 sebatan rotan*		
	Kesalahan Seterusnya (Pengedaran/ Pengimportan/ Pengeksportan) Nota: <i>Sabitin terdahulu tidak semestinya bagi dadah atau bahan yang sama</i>	Minimum: • Penjara 10 tahun • 10 sebatan rotan*		
	Pengedaran/ Pengimportan/ Pengeksportan dadah/bahan yang ditujukan kepada orang muda atau orang mudah terdedah pada bahaya	Maksimum: • Penjara 30 tahun • 15 sebatan rotan*		

*Rujuk bahagian di bawah bertajuk "Pertimbangan untuk Sebatan Rotan".

4. PENGEDARAN, PENGIMPORAN & PENGEKSPORTAN

Untuk Dadah "Terkawal" dan Bahan Psikoaktif yang lain

JENIS DADAH		HUKUMAN			
		Kesalahan Kali Pertama (Pengedaran)	Kesalahan Kali Pertama (Pengimportan/ Pengeksportan)	Kesalahan Berikutnya (Pengedaran/ Pengimportan/ Pengeksportan) <i>Nota: Sabitan terdahulu tidak perlu untuk dadah atau bahan yang sama</i>	Pengedaran/ Pengimportan/ Pengeksportan) dadah/bahan-bahan untuk orang muda atau rentan
Dadah-dadah “Terkawal” yang lain	Dadah Kelas A	Minimum: • Penjara 5 tahun • 5 sebatan rotan*	Minimum: • Penjara 5 tahun • 5 sebatan rotan*	Minimum: • Penjara 10 tahun • 10 sebatan rotan*	
		Maksimum: • Penjara 20 tahun • 15 sebatan rotan*	Maksimum: • Penjara 30 tahun ATAU Penjara seumur hidup • 15 sebatan rotan*	Maksimum: • Penjara 30 tahun • 15 sebatan rotan*	
	Dadah Kelas B	Minimum: • Penjara 3 tahun • 3 sebatan rotan*	Minimum: • Penjara 5 tahun • 5 sebatan rotan*	Minimum: • Penjara 6 tahun • 6 sebatan rotan*	
		Maksimum: • Penjara 20 tahun • 10 sebatan rotan*	Maksimum: • Penjara 30 tahun ATAU Penjara seumur hidup • 15 sebatan rotan*	Maksimum: • Penjara 30 tahun • 15 sebatan rotan*	
	Dadah Kelas C	Minimum: • Penjara 2 tahun • 2 sebatan rotan*	Minimum: • Penjara 3 tahun • 5 sebatan rotan*	Minimum: • Penjara 4 tahun • 4 sebatan rotan*	
		Maksimum: • Penjara 10 tahun • 5 sebatan rotan*	Maksimum: • Penjara 20 tahun • 15 sebatan rotan*	Maksimum: • Penjara 20 tahun • 15 sebatan rotan*	
Bahan-bahan Psikoaktif		Minimum: • Penjara 2 tahun	Minimum: • Penjara 3 tahun	Minimum: • Penjara 4 tahun	Minimum: • Penjara 4 tahun • 4 sebatan rotan*
		Maksimum: • Penjara 10 tahun	Maksimum: • Penjara 20 tahun	Maksimum: • Penjara 20 tahun	Maksimum: • Penjara 20 tahun • 15 sebatan rotan*
		Denda yang mungkin dikenakan: • Bermula dari S\$4,000 hingga S\$10,000	Denda yang mungkin dikenakan: • Bermula dari S\$6,000 hingga S\$20,000	Denda yang mungkin dikenakan: • Bermula dari S\$8,000 hingga S\$20,000	

*Rujuk bahagian di bawah bertajuk "Pertimbangan untuk Sebatan Rotan".

4. PENGEDARAN, PENGIMPORAN & PENGEKSPORTAN

BAGAIMANA MAHKAMAH MENENTUKAN HUKUMAN YANG SESUAI

Setelah mengenal pasti julat hukuman yang berkenaan, mahkamah akan meneliti **kuantiti** dadah/bahan yang terlibat untuk menetapkan titik permulaan bagi hukuman tersebut. Kemudian, mahkamah boleh melaraskan hukuman permulaan indikatif ke tahap lebih tinggi atau lebih rendah berdasarkan:

- **Tahap kebersalahan pesalah**

Ini secara amnya merujuk kepada sejauh mana pesalah bertanggungjawab terhadap jenayahnya.



FAKTOR-FAKTOR YANG BOLEH MENINGKATKAN TAHAP KEBERSALAHAN (LEBIH BERTANGGUNGJAWAB):

- Mengetuai/Mengendalikan operasi dadah berskala besar.
- Melibatkan orang lain dalam operasi tersebut dengan cara memaksa atau memberi ganjaran kepada mereka.
- Mengambil langkah-langkah untuk mengelak daripada ditangkap atas jenayah yang dilakukan.



FAKTOR-FAKTOR YANG BOLEH MENGURANGKAN TAHAP KEBERSALAHAN (KURANG BERTANGGUNGJAWAB)

- Hanya terlibat dalam sebahagian kecil daripada jenayah tersebut mengikut arahan orang lain.
- Dipaksa, diperdaya atau didesak untuk melakukan jenayah tersebut dan/atau tidak memahami sepenuhnya apa yang sedang berlaku.

- **Kewujudan faktor-faktor yang memberatkan atau meringankan**

Faktor-faktor memberatkan adalah perkara-perkara yang menjadikan jenayah tersebut lebih serius.

Faktor-faktor meringankan adalah perkara-perkara yang membantu mengurangkan hukuman.



NOTA PENTING

Mahkamah menetapkan hukuman yang sesuai berdasarkan fakta setiap kes. Mahkamah juga mempertimbangkan hukuman yang telah dikenakan untuk kes-kes lain yang serupa. Beberapa faktor yang boleh mempengaruhi hukuman yang akan dikenakan diterangkan dalam bahagian di bawah bertajuk "Faktor-Faktor Memberatkan/Meringankan".

5. FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBERATKAN/MERINGANKAN

Berikut adalah sebahagian daripada faktor-faktor umum tetapi tidak menyeluruh, yang boleh mempengaruhi hukuman yang sesuai:



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBERATKAN (YANG BOLEH MENJADIKAN JENYAH TERSEBUT LEBIH SERIUS):

- Mempunyai rekod jenayah kesalahan-kesalahan dadah yang berkaitan.
- Mempunyai pertuduhan-pertuduhan yang serupa diambil kira untuk tujuan penghukuman.
- Melakukan jenayah semasa dalam jaminan, atau semasa menjalani program pemulihan dadah/ program rumah perantaraan.
- Cuba menyembunyikan atau memusnahkan bukti jenayah tersebut.
- Berurusan dengan pelbagai jenis dadah.



FAKTOR-FAKTOR YANG MERINGANKAN (YANG BOLEH MENGURANGKAN HUKUMAN):

- Mengaku secara sukarela atas jenayah yang dilakukan.
- Mengaku bersalah (lebih awal lebih baik).
- Memberikan bantuan yang bermakna kepada pihak berkuasa penyiasat.
- Mempunyai keadaan mental yang serius yang menyebabkan berlakunya kesalahan tersebut.
- Pesalah muda dengan prospek pemulihan yang kukuh.



NOTA PENTING

Walaupun terdapat faktor-faktor yang meringankan, Mahkamah tidak boleh menjatuhkan hukuman yang lebih rendah daripada hukuman minimum wajib (pemenjaraan, sebatan dan/atau denda) yang ditetapkan oleh undang-undang.

6. PERTIMBANGAN SEBATAN

Sebatan **dikecualikan** bagi orang-orang berikut:



Pesalah-pesalah wanita



Pesalah-pesalah lelaki yang
berumur lebih daripada 50
tahun pada masa
pelaksanaan sebatan



Pesalah-pesalah lelaki yang
dijatuhkan hukuman mati
yang hukumannya tidak
dikurangkan



NOTA PENTING

- Namun harap maklum bahawa mahkamah boleh mengenakan tempoh pemenjaraan tidak melebihi 12 bulan sebagai ganti sebatan.
- Bagi pesalah-pesalah muda di bawah umur 16 tahun, hanya Mahkamah Tinggi sahaja yang boleh mengenakan sebatan.

7. PESALAH-PESALAH MUDA



PILIHAN PENGHUKUMAN ALTERNATIF UNTUK PESALAH-PESALAH MUDA

Bagi pesalah-pesalah di bawah umur 21 tahun yang menunjukkan potensi pemulihan yang kukuh, Mahkamah boleh, bergantung kepada fakta-fakta kes itu, mengenakan hukuman yang lebih ringan yang tidak memerlukan pesalah menjalani hukuman penjara seperti:

PROBESEN

Secara amnya membenarkan pesalah kekal dalam masyarakat di bawah pengawasan, lazimnya antara 6 bulan hingga 3 tahun.

Pesalah mesti mematuhi yang berikut:

- Pertemuan berkala dengan pegawai probesen
- Pematuhan terhadap perintah berkurung
- Melaksanakan kerja kemasyarakatan
- Menghadiri kaunseling atau program-program pemulihan
- Menetap di institusi yang diluluskan (untuk tempoh yang ditetapkan)



LATIHAN PEMULIHAN



Bentuk hukuman yang lebih berat daripada probesen - lebih berstruktur dan memerlukan pesalah ditahan di pusat latihan pemulihan untuk menjalani pemulihan bagi **tempoh minimum** selama 6 atau 12 bulan (seperti diperintahkan oleh Mahkamah).

Selepas penahanan, akan ada tempoh pengawasan selama maksimum 54 bulan.



Tel: 6 JUSTICE (65878423)
www.judiciary.gov.sg